

CNS5446

R GB 28-10 00127 BH685

bah

PEGAWAI KERAJAAN HARUS BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN
Mahathir - PTD

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pegawai kerajaan bekerja sebagai satu pasukan dalam proses membangunkan negara ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Beliau berkata bahawa sebagai ejen perubahan, pegawai kerajaan haruslah berusaha dengan lebih gigih ke arah pencapaian matlamat itu.

+Pegawai kerajaan merupakan jentera bagi menggerakkan pentadbiran dan pembangunan, kata beliau dalam buku cenderamata Majlis Makan Malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) di sini malam ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba.

Perdana Menteri berkata anggota-anggota perkhidmatan awam itu, khususnya pegawai PTD haruslah berdedikasi dan berdisiplin dalam menjalankan tugas. -- Lagi

♥28/10/23-14MST

CNS5447

R GB 28-10 00100 BH686

bah

Mahathir - PTD 2 Kuala Lumpur

+Dalam hubungan ini, para pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) haruslah mampu untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan yang mengekori pembangunan yang pesat, + katanya.

Sementara itu, Presiden PPTD, Datuk Haji Hassan Ibrahim berkata, pegawai PTD akan terus memperbaiki tahap kemahiran dan kepakaran untuk merealisasikan matlamat wawasan itu.

Beliau berkata, sebagai pelaksana dan pentadbir pembangunan negara, pemimpin negara dan PTD haruslah saling bantu-membantu untuk mengekalkan kemajuan negara.

Beliau kemudian menyampaikan cek \$15,000 kepada Encik Ghafar sebagai sumbangan PTD kepada Persatuan Talasemia Malaysia. -- Bernama

♥28/10/23-16MST